

Kasih buat Amin

■ MAIK sumbang RM2,000 kepada pesakit G6PD selepas penderitaan disiarkan Harian Metro



SITI Nurarfa menunjukkan penyakit yang dialami Muhammad Aminrudin.



DR Nik Mohd Azlan menyampaikan sumbangan kepada Siti Nurarfa, ibu kepada Aminrudin.



LAPORAN Harian Metro, semalam.

Hazira Ahmad Zaidi
am@hmetro.com.my

Kota Bharu

Kesempitan hidup ibu tunggal yang tidak mampu mendapatkan rawatan anaknya yang menderita penyakit *Glucose-6-phosphate dehydrogenase* (G6PD) mula mendapat perhatian pelbagai pihak.

Antara yang terawal menghulurkan sumbangan

ialah Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan (MAIK) yang menyampaikan sumbangan segera RM2,000 kepada keluarga Muhammad Aminrudin Mat Reduan, 5.

Sumbangan disampaikan sendiri Timbalan Yang Dipertua MAIK Dr Nik Mohd Azlan Ab Hadi kepada ibu kanak-kanak itu, Siti Nurarfa Abdullah, 27, semalam.

Nik Mohd Azlan berkata, sumbangan yang diberikan itu untuk meringankan be-

ban yang ditanggung ibu tunggal berkenaan.

Katanya, Pemangku Raja Kelantan Dr Tengku Muhammad Fa-iz Petra yang juga Yang Dipertua MAIK sentiasa prihatin dengan kesusahan rakyat negeri ini.

“Kita juga akan mempertimbangkan Biasiswa Tengku Anis untuk

anaknya yang masih bersekolah.

“Saya mengucapkan ribuan terima kasih kepada media kerana dengan laporan ini kami dapat mengetahui kesusahan dan golongan yang memerlukan,” katanya ketika ditemui di Kampong Demit Darat di sini, semalam.

Harian Metro semalam

melaporkan keluarga kanak-kanak lelaki yang menderita penyakit kekurangan enzim dalam sel darah merah sejak berusia dua bulan memohon bantuan untuk rawatan lanjut.

Muhammad Aminrudin disahkan menghidap penyakit itu sejak lahir dan pada usia dua bulan, kulitnya menggelembung, bernanah dan berdarah sebelum menjadi kudis di bahagian tangan dan kaki.

Sementara itu, Siti Nurarfa

bersyukur selepas kisah penderitaan anak ketiganya disiarkan di Harian Metro, ramai pihak tampil bertanya khabar.

“Pagi tadi (semalam) jururawat daripada Klinik Kesihatan Kubang Kerian datang melawat dan mengambil maklumat mengenai anak saya. Dengan bantuan daripada pelbagai pihak yang prihatin, peluang untuk melihat anak saya sembuh daripada penyakitnya itu semakin cerah,” katanya.

FAKTA
MAIK turut pertimbang Biasiswa Tengku Anis untuk dua anak Siti Nurarfa

Inspirasi kepada orang lain

Kuala Lumpur: Kekentalan Nayli Hannah Azlan, pesakit kanser tiisu atau *Ewing Sarcoma* tahap dua untuk terus fokus kepada pelajaran bagi mengejar impian menjadi doktor atau arkitek mampu memberi inspirasi kepada mereka yang lain.

Namun, Nayli perlu dibantu kepada sokongan emosi, kasih sayang, penghargaan, penghormatan dan layanan tanpa syarat dengan melayan mereka seperti mana orang sihat supaya pesakit tidak terasa terasing, tetapi

gian Kaunseling Universiti Putra Malaysia (UPM) Siti Fatimah Abdul Ghani berkata, remaja berpenyakit berpanjangan perlu diberi sokongan dalam empat elemen utama iaitu psikologi, spiritual, biologi dan sosial.

“Bantuan psikologi lebih kepada sokongan emosi, kasih sayang, penghargaan, penghormatan dan layanan tanpa syarat dengan melayan mereka seperti mana orang sihat supaya pesakit tidak terasa terasing, tetapi

harus terbatasi sesuai dengan keadaan kesihatan.

“Dari segi spiritual pula, ia lebih kepada fahaman jati diri secara dalaman berbentuk kerohanian dan semangat untuk teruskan kehidupan serta melakukan kebajikan dan yang bermanfaat katanya ketika diminta mengulas mengenai keazaman Nayli yang tekad fokus SPM untuk mencapai cita-cita menjadi doktor atau arkitek yang laporkan Harian Metro, semalam.



SITI FATIMAH



LAPORAN muka depan Harian Metro, semalam.